

SOALAN OBJEKTIF:

1. Mengapakah kerajaan menyediakan barang awam?

- A Untuk memaksimumkan kebajikan masyarakat
- B Untuk meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi
- C Untuk mewujudkan persaingan sihat dalam ekonomi
- D Untuk memastikan agihan pendapatan yang adil dalam kalangan masyarakat

2. Pernyataan di bawah berkaitan dengan objektif makroekonomi kerajaan.

Memastikan rizab antarabangsa di Bank Negara Malaysia sentiasa mencukupi

Apakah objektif makroekonomi yang berkaitan dengan pernyataan di atas?

- A Kestabilan harga
- B Guna tenaga penuh
- C Pertumbuhan ekonomi
- D Kestabilan imbangan pembayaran

3. Bagaimanakah kuota dapat mengawal selia aktiviti pasaran?

- A Menetapkan harga pasaran pada tahap tertentu
- B Menetapkan kuantiti permintaan pada had tertentu
- C Menetapkan kuantiti penawaran pada had tertentu
- D Menetapkan bilangan pengeluaran untuk industri tertentu

4. Maklumat di bawah menunjukkan keadaan sesebuah ekonomi.

Harga input yang digunakan dalam proses pengeluaran barang X meningkat sebanyak 3% menyebabkan harga barang X yang dijual di pasaran meningkat sebanyak 4%

Apa

akah jenis inflasi yang berlaku di atas?

- A Inflasi musim
- B Inflasi diimport
- C Inflasi tolakan kos
- D Inflasi tarikan permintaan

5. Antara yang berikut, yang manakah menerangkan kesan inflasi?

- A Penurunan kadar inflasi menyebabkan tabungan menurun
- B Kenaikan kadar inflasi menyebabkan kadar faedah meningkat
- C Kenaikan kadar inflasi menyebabkan eksport negara bertambah
- D Penurunan kadar inflasi menyebabkan pendapatan benar menurun

6. Maklumat di bawah berkaitan dengan jenis pengangguran

Keadaan ekonomi dunia yang meleset menyebabkan kadar pengangguran meningkat.

Pengangguran yang digambarkan dalam maklumat di atas ialah pengangguran

- A bermusim
- B geseran
- C kitaran
- D berstruktur

7. Antara yang berikut yang manakah beban cukainya tidak boleh dipindahkan kepada orang lain?

- I Duti setem
- II Cukai pintu
- III Duti eksais
- IV Cukai barang dan perkhidmatan

- | | | | |
|---|----------|---|------------|
| A | I dan II | C | II dan III |
| B | I dan IV | D | III dan IV |


8. Antara yang berikut, yang manakah merupakan kesan peningkatan cukai progresif terhadap pendapatan individu?

- A Pendapatan boleh guna seimbang dengan tabungan
- B Pendapatan boleh guna meningkat
- C Pendapatan boleh guna menurun
- D [endapatan boleh guna seimbang dengan perbelanjaan

9. Apakah kesan yang akan wujud jika kerajaan melaksanakan belanjawan defisit?

- A Mengurangkan perbelanjaan mengurus
- B Kuasa beli pengguna merosot
- C Mencipta peluang pekerjaan
- D Pendapatan boleh guna merosot

10. Rajah di bawah menunjukkan suatu tindakan bank pusat.



Tindakan X ialah

- A menurunkan kadar cukai
- B menurunkan kadar faedah
- C menaikkan nisbah rizab berkanun
- D menambahkan perbelanjaan kerajaan

11. Antara yang berikut, yang manakah merupakan kesan kenaikan kadar cukai terhadap objektif makroekonomi negara?

- | | | | |
|-----|---|---|------------|
| I | Guna tenaga menurun | | |
| II | Tingkat harga umum menurun | | |
| III | Pertumbuhan ekonomi menjadi pesat | | |
| IV | Aliran masuk wang ke dalam negara meningkat | | |
| A | I dan II | C | II dan III |
| B | I dan IV | D | III dan IV |

12. Antara berikut, yang manakah merupakan tindakan kerajaan untuk mengawal selia kesan eksternaliti negatif?

- A Mengurangkan pemantauan agensi kerajaan
B Mewujudkan kawasan industri berteknologi
C Menaikkan harga barang barang
D Pemberian lesen tanpa had

13 Situasi manakah menerangkan inflasi tarikan permintaan?

- A Peningkatan kos pengeluaran menyebabkan peningkatan permintaan
B Peningkatan harga disebabkan peningkatan permintaan dalam pasaran
C Peningkatan duti import menyebabkan peningkatan harga dalam pasaran
D Pertambahan permintaan disebabkan pertambahan penawaran

14. Apakah kesan yang akan berlaku jika kadar inflasi meningkat daripada 0.58% kepada 2.50%?

- I Peluang pekerjaan menurun
II Kuasa beli masyarakat meningkat
III Pendapatan benar masyarakat menurun
IV Nilai wang yang dipegang oleh isi rumah merosot
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

15 Maklumat di bawah adalah berkaitan dengan inisiatif kerajaan.

Sistem pendidikan negara sentiasa dikaji semula supaya selaras dengan keperluan pasaran buruh.

Tindakan kerajaan tersebut adalah untuk mengatasi masalah

- A Pengangguran geseran
B Pengangguran struktur
C Inflasi tarikan permintaan
D Imbangan pembayaran deficit

- 16 Antara faktor yang berikut, yang manakah akan merangsang pertumbuhan ekonomi sesebuah negara?
- I Sikap masyarakat yang terbuka
 - II Kadar kelahiran yang menurun
 - III Agihan pendapatan yang seimbang
 - IV Insentif pelaburan dalam ekonomi
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 17 Pernyataan manakah yang merujuk kepada cukai eksais?
- A Cukai ke atas keluaran utama yang dieksport
 - B Cukai terhadap barangan yang diimport dari luar negara
 - C Cukai kepada keluaran tempatan yang dijual dalam negara
 - D Cukai bagi barangan akhir keluaran tempatan dan luar negara
- 18 Jadual berikut menunjukkan hasil Kerajaan Persekutuan pada suatu tahun

Butiran	Jumlah (RM juta)
Cukai syarikat	65 000
Cukai perseorangan	28 880
Cukai jualan	10 980
Cukai perkhidmatan	6 810
Cukai petroleum	27 746
Duti eksport	2 110
Cukai koperasi	2 955
Duti import	2 500

Berapakah hasil cukai langsung?

- A RM124 581
- B RM135 561
- C RM142 371
- D RM144 871

